

Keputusan MSAN dapat diselaras, dipantau di peringkat negeri dengan lebih berkesan

Kerajaan negeri setuju tubuh MSANG

Oleh HASHNAN ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 7 Okt. - Semua kerajaan negeri akan menubuhkan Majlis Sumber Air Negeri (MSANG) supaya setiap keputusan oleh Majlis Sumber Air Negara (MSAN) dapat diselaras dan dipantau di peringkat negeri dengan lebih berkesan di masa depan.

Persetujuan tersebut dicapai dalam Mesyuarat MSAN Ke-8 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

MSAN dalam kenyataannya melepaskan mesyuarat tersebut menyatakan bahawa tujuan penubuhan MSANG adalah untuk menguruskan sumber air di negeri secara lebih mampan dan bersepadu dengan mengambil kira input daripada pelbagai agensi serta jabatan.

Menurut kenyataan itu, pelangan syarat-syarat serta pencemaran yang dilakukan terhadap sum-

ber air akan dapat dipantau dan dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

"Mesyuarat juga bersetuju untuk mengkaji keperluan bagi mewujudkan mekanisme penyelarasan yang sama seperti MSANG di Wilayah Persekutuan," kata kenyataan itu.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel serta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Sebanyak lapan kertas muktamad telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat turut bersetuju untuk menerima pakai Garis Panduan Kawalan Pembangunan Bersepadu di Zon Pantai untuk Pembangunan di kawasan pantai negara.

Kenyataan itu berkata, langkah tersebut perlu bagi memastikan ga-

ris pantai negara sepanjang 4,809 kilometer (km) itu dapat dilindungi dan diuruskan secara lebih lestari di masa depan.

"Pembangunan yang pesat terutama di kawasan pesisiran pantai negara menyebabkan gangguan terhadap kestabilan ciri-ciri hidro-dinamik pantai.

"Perikutan itu, kira-kira 30 peratus daripada garis pantai negara telah terkakis dan menyebabkan kerugian harta benda awam serta persendirian," katanya.

Menurut kenyataan itu, garis panduan tersebut menerangkan secara terperinci keperluan maklumat dan skop penilaian impak untuk pelbagai jenis pembangunan di zon pantai iaitu di hadapan dan belakang garis pantai.

"Garis panduan itu juga telah digunakan oleh pihak berkuasa, penggerak projek, perunding dan syarikat swasta sebagai panduan dan pematuhan pembangunan di kawasan zon pantai," katanya.



MUHYIDDIN Yassin mempengerusikan Majlis Sumber Air Negara Ke-8 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan G. Palanivel (kiri) dan Maximus Ongkili (kanan).